

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. AHMAD AZAM BIN HAMZAH
(SENATOR)**

TARIKH : 17 DISEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN NO. 110

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengenai pencemaran karbon monoksida yang disebabkan oleh asap kenderaan. Adakah Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan penggunaan kereta elektrik di Malaysia.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan sentiasa menyokong dan menggalakkan penggunaan kenderaan elektrik (EV) yang dapat mengurangkan kadar pencemaran dan pelepasan gas rumah kaca (*Greenhouse Gases - GHG*) daripada asap kenderaan. Perkara ini selaras dengan Teras 4 Dasar Pengangkutan Negara 2019-2030 untuk menghijaukan sektor pengangkutan. Antara insiatif yang telah dilaksanakan oleh Kementerian adalah pengurangan 50 peratus cukai jalan bagi kenderaan hibrid elektrik dan *plug-in*. Sejumlah 6,505 kenderaan elektrik dan 76,385 kenderaan hibrid telah didaftarkan sehingga Oktober 2020.
2. Walau bagaimanapun, kerjasama dari pelbagai pihak diperlukan dalam mewujudkan ekosistem yang kondusif untuk EV bagi meningkatkan penyediaan infrastruktur stesen pengecas, pembangunan standard bagi alat pengecas, pembangunan teknologi *battery swapping* serta kitar semula bateri, penetapan harga EV yang kompetitif, pewujudan dasar tenaga yang bersesuaian dan sebagainya.
3. Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) adalah peneraju bagi inisiatif untuk mengurangkan pencemaran GHG daripada pelbagai sektor termasuk sektor pengangkutan melalui kerjasama daripada pelbagai pihak termasuk Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dari aspek pembangunan industri EV, Kementerian Pengangkutan dari aspek penguatkuasaan dan perlesenan kenderaan, Unit Perancang

NO. SOALAN: 110

Ekonomi (EPU) dari aspek dasar penggunaan tenaga, serta beberapa agensi lain yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.